

Headline Teruja jalani ibadat puasa sebagai isteri
Date 17. Sep 2008
Media Title Berita Harian
Section Hip
Circulation 217920
Readership 2083000

Language MALAY
Page No 7
Article Size 864 cm²
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue 15295.16



Teruja jalani ibadat puasa sebagai isteri

Kesibukan buat Nor Azura Nik Mahmood jarang dapat berbuka bersama suami

Oleh Zul Husni Abdul Hamid
zhusnie@beritan.com.my

NIKMAT kehidupan bermah tangga sudah dua bulan dilalui penyampai radio popular Hot FM, Nik Nor Azura Nik Mahmood sejak dijubabulkan dengan Pegawai Eksekutif Penjenamaan TV3, Shaffique Ahmad Zehnun di Masjid Tengku Tengah Zaharah, Kuala Terengganu, Terengganu pada 12 Julai lalu.

Anugerah Tuhan yang banyak mengubah kehidupan anak kelahiran Terengganu ini, malah kata Azura, 27, dia menjadi lebih bertanggungjawab sejak menjadi isteri.

Memilih untuk menetap bersama keluarga suaminya, Azura berkata, Ramadhan ini membawa suasana baru dalam kehidupannya namun dia teruja melalui pengalaman itu.

"Ibu mentua memang pandai memasak, jadi selalunya hidangan berbuka dan bersahur dia akan sediakan. Segan juga apabila waktu bersahur pun dia tolong kejutkan."

"Saya sendiri pula sibuk, jarang berkesempatan memasak. Ada masa saya akan membantu apa yang patut di dapur. Cuma sekali hari itu saya sempat sediakan spaghetti untuk hidangan keluarga dan seronok kerana mereka menyukainya."

"Ramadan ini hanya beberapa kali saya berkesempatan berbuka dengan suami kerana Shaffique sibuk. Setiap hujung minggu dia pasti ke luar daerah kerana terikat dengan program Singgah Sahur, tinggalah saya sendirian berbuka dengan mentua."

"Apa boleh buat kerana sejak dulu lagi memang jadual kerja kami begini. Tidak boleh

dilakukan kerana kebutulan Ramadan ini cukup sibuk," kata Azura yang ditemui pada majlis berbuka puasa bersama penyampai Hot FM dan Fly FM di Pusat Konvensyen Sime Darby, baru-baru ini.

Sejak berkahwin, akui Azura, kehidupan mereka sentiasa dihambat waktu. Malah ketika Azura bercuti selepas mereka dijubabulkan, Shaffique pula terpaksa bekerja bagi memastikan kelancaran program realiti, Gang Starz.

Sesekali kata Azura, perasaan cemburu menghantui dirinya terutama apabila melihat kebaagiaan pasangan lain yang sentiasa mempunyai masa bersama.

Malah mahu bertemu pun ada kalanya terpaksa membuat temu janji dulu kerana komitmen karier yang menuntut waktunya berharga mereka berdua.

"Disebabkan itu, perancangan berbulan madu terpaksa ditangguhkan dulu. Mungkin Disember ini baru berkesempatan, itu pun jika cuti saya diluluskan."

"Perancangan kami mahu ke Gold Coast, Australia kerana sejak dulu lagi Shaffique terlalu ke sana. Saya tiada masalah kerana penerbangan ke sana tidak memakan masa panjang."

"Saya rimas jika terpaksa menempuh penerbangan yang panjang. Bosan kerana tidak dapat berbuat apa-apa aktiviti di atas kapal terbang," kata Azura yang mengendalikan segmen Menu Muzik Hot FM bermula jam 1 tengah hari.

Beralih perbualan mengenai sambutan Aidilfitri, Azura bersyukur kerana tahun pertama sebagai isteri dia mendapat pelepasan cuti daripada majikannya.



AZURA masih menyesuaikan diri sebagai isteri.



TERPAKSA buat temu janji untuk bertemu suami kerana sibuk.

“Bulan madu terpaksa ditangguh. Mungkin Disember ini baru berkesempatan, itu pun jika cuti saya diluluskan”

Azura
penyampai Hot FM



BERSAMA Kartini dan Sharifah Aleya memilih sajian berbuka puasa.

tahun lalu saya bekerja.

"Tetapi selepas berbincang dengan Shaffique dan memikirkan situasi terpaksa menempuh kesesakan jika mahu pulang awal, saya beralih dan menyambut Syawal bersama keluarganya di Kuala Terengganu."

"Terasa ralat juga tidak dapat bersama keluarga pada pagi Syawal. Sejak kecil saya memang rapat dengan keluarga dan kalau boleh memang saya ingin bersama mereka di pagi raya kerana

sebulan berpuasa di sini, raya pulah kami bersama dengan keluarga saya di Kuala Terengganu. Kami akan pulang empat hari untuk beraya dengan keluarga saya," katanya.

Nik Nor Azura Nik Mahmood

- Nama komersial: Azura
- Umur: 27 tahun
- Tarikh lahir: 29 Oktober 1981
- Kelulusan: Sarjana Muda Komunikasi, UPM, Serdang.
- Asal: Kuala Terengganu, Terengganu
- Kerjaya: Deejay radio Hot FM, perantara MHI, Pembantu Pengarah Muzik Hot FM.
- Program yang pernah dihoskan: Pop, Sukan Dot Com, Zon Aktif
- Segmen di Hot FM: Menu Muzik Hot FM (setiap Isnin hingga Jumaat, jam satu hingga empat petang) dan Hot FM Yang Keren (Sabtu, 10 hingga 12 malam)
- Prinsip hidup: Jika anda gagal untuk bersedia, anda bersedia untuk gagal.
- Minat: Membara novel hasil karya Norhayati Berahim, Aisyah Sofia dan Ahadiat Akashah.